



SEPAKAT: Rozman (duduk, tengah) bersama Ahli Jawatankuasa parti WARISAN Bahagian Labuan sebulat suara menyokong Mohd Shafie sebagai PM ke-9.

WARISAN Labuan sokong Shafie sebagai calon PM ke-9

LABUAN: Parti WARISAN (Sabah) Wilayah Persekutuan Labuan menyokong Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal sebagai calon Perdana Menteri (PM) ke-9.

Ketua Bahagian Parti WARISAN Wilayah Persekutuan Labuan, Datuk Rozman Isli berkata keputusan itu dicapai secara sebulat suara dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bahagian Warisan Labuan pada 5 Julai lalu.

Rozman yang juga Ahli

Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan berkata, parti WARISAN Bahagian Labuan tetap berdiri teguh dan tidak berbelah bahagi di belakang kepimpinan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang juga Presiden Parti WARISAN Sabah.

“Walaupun kami tahu Mohd Shafie lebih suka menerajui negeri Sabah, tetapi kami juga yakin dan merasakan beliau juga layak dan pilihan terbaik sebagai calon Perdana Menteri pada

masa ini.

“WARISAN Bahagian berdiri teguh dan menyokong penuh kepimpinan Mohd Shafie untuk menerajui negara ini,” katanya dalam kenyataan ringkas.

Beliau juga menjelaskan, sudah sampai masanya Malaysia mempunyai Perdana Menteri yang dipilih dari kawasan Malaysia Timur (Borneo) untuk menerajui negara.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad dalam satu kenyataan mengusulkan nama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Shafie Apdal sebagai calon Perdana Menteri ke-9.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan itu dicapai dalam pertemuan yang diadakan antara beliau dengan beberapa pemimpin daripada Parti Amanah Negara (AMANAH), DAP, WARISAN termasuk BERSATU di Rumah Tetamu Sabah, Kuala Lumpur baru-baru ini.